

17 SEP 1998

AGONG UCAP TAHNIAH KEPADA PRESIDEN CHILE

KUALA LUMPUR, 17 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah hari ini menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Chile, Eduardo Frei Ruiz-Tagle sempena Hari Kemerdekaan negara itu.

Dalam perutusan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra hari ini, Tuanku Ja'afar bertitah bahawa Malaysia menaruh harapan bagi kehadiran Ruiz-Tagle pada mesyuarat tidak formal para pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di sini pada November.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga menghantar perutusan tahniah kepada Ruiz-Tagle.

Dr Mahathir berkata beliau menaruh harapan bagi kehadiran Ruiz-Tagle pada mesyuarat di sini bagi membincangkan isu-isu kepentingan bersama antara kedua-dua negara.

Perdana Menteri mengimbas kembali sambutan mesra yang diberikan kepada beliau semasa lawatannya ke Chile tahun lalu dan berharap untuk memberi sambutan yang sama kepada Ruiz-Tagle semasa pertemuan itu.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi pula menghantar perutusan kepada rakan sejawatannya Jose Miguel Insulza.

-- BERNAMA

WNZ FAZ